

Malaysia enggan dialog dengan Israel

SANTUBONG; Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Malaysia tidak akan mengadakan dialog dengan rejim Israel berhubung krisis di Asia Barat yang semakin meruncing sekarang.

Katanya, negara ini tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel, berikutan itu, isu mengadakan dialog ini tidak sepatutnya ditimbulkan.

"Kita tidak ada apa-apa hubungan (diplomatik) dengan mereka. Jadi, buat apa kita buang masa mahu adakan dialog dengan mereka mengenai apa yang berlaku sekarang di sana (Asia Barat)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) 2006, di sini, semalam.

Kelmarin, Duta Israel ke Singapura, Ilan Ben Dov dilaporkan berkata pihaknya mahu mengadakan di-

alog bersama-sama Indonesia dan Malaysia bagi menyelesaikan masalah di Palestin dan Lebanon.

Ia berikutan kecaman hebat masyarakat antarabangsa berikutan tindakan Israel menyerang selatan Lubnan sehingga menyebabkan ramai rakyat negara itu, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak terbunuh dan kehilangan tempat tinggal.

Abdullah yang juga Pengerusi Per-

"Kita tidak ada apa-apa hubungan (diplomatik) dengan mereka. Jadi, buat apa kita buang masa mahu adakan dialog dengan mereka"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

tubuhan Negara Islam (QIC), berkata Israel tidak sepatutnya menimbulkan isu mahu mengadakan dialog itu sedangkan pada masa sama, mereka masih menyerang Lubnan dan Palestin.

"Isu ini tidak sepatutnya ditimbulkan... kita tidak ada apa-apa mahu bincang dengan mereka," katanya.

Cadangan Israel mahu berdialog dengan Malaysia dan Indonesia mengenai konflik Asia Barat menimbulkan kesangsian, lebih-lebih lagi mereka dilindungi negara kuasa besar dunia, yang turut menguasai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sementara itu, Abdullah ketika merasmikan Perhimpunan Agung SPDP 2006, berkata aspek keadilan dan kesaksamaan akan terus menjadi teras pentadbiran kerajaan BN pimpinannya.

"Kita akan pastikan wujud keadilan dan kesaksamaan kepada semua rakyat, tidak kiralah apa bangsa dan agama mereka. Ini memang menjadi

matlamat utama dalam setiap projek yang kita laksanakan.

"Bila berada dalam sebuah negara yang berbilang kaum dan fahaman agama, paling penting sekali, mesti ada unsur keadilan dan kesaksamaan. Ini cara kita untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan di negara ini," katanya.

Katanya, dalam pelaksanaan setiap projek yang dirancangan, terutama dibawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), hak dan kepentingan semua kaum akan diambil kira.

"Paling penting, jangan ada mana-maha kumpulan (kaum) yang tertinggal atau sengaja ditinggalkan. Di Malaysia, kita tidak boleh macam itu... semua suku kaum sama pentingnya.

"Justeru, apabila kita melaksanakan apa saja dasar kerajaan, kita akan pastikan supaya dasar itu dapat memberikan faedah kepada rakyat secara keseluruhannya tanpa ada di antara mereka yang dipinggirkan," katanya.